

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 OKTOBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

Hari Statistik Negara 2022 pada 20 hingga 22 Oktober ini

Hari Statistik Negara 2022 pada 20 hingga 22 Oktober ini

SHAH ALAM - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menganjurkan sambutan Hari Statistik Negara 2022 pada 20 hingga 22 Oktober ini bertempat di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) di Sungkai, Perak.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin maktumkan, objektif utama program tiga hari itu adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan statistik kepada negara.

"Pelbagai aktiviti telah dirancang oleh DOSM dan rakan strategik dalam usaha menyebarkan luas maklumat berkaitan statistik negara kerana satu statistik akan lebih bermakna dan bernilai tinggi sekiranya ia dapat digunakan sebaik mungkin.

"Kita tidak mahu apabila DOSM mengeluarkan statistik, tiada siapa yang gunakan. Jadi pada Hari Statistik Negara nanti orang ramai akan lebih peka dan tahu tujuan statistik dikeluarkan," katanya pada sidang akhbar yang berlangsung secara dalam talian pada Isnin.

Mohd Uzir berkata, program berkenaan juga dianjurkan bagi mengiktiraf sumbangan ahli-ahli statistik Malaysia terutama da-

lam pengurusan statistik rasmi berdasarkan asas-asas perkhidmatan, integriti dan profesionalisme.

Justeru jelasnya, program-program yang disusun kelak adalah sebagai menghargai sokongan mereka yang terlibat selain memperkukuh kerjasama khususnya bagi proses pengumpulan data jabatan-jabatan berkait kerajaan.

"DOSM" akan mempromosikan aktiviti-aktiviti berkaitan jabatan dan rakan strategik kita yang terlibat antaranya karnival kerjaya My Future Job yang memberi peluang kepada pencari kerja untuk mencari peluang pekerjaan, sesi temu duga terbuka, demonstrasi aktiviti daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), sesi kaunseling kewangan, pameran perumahan dan hartanah serta lain-lain lagi.

"Selain itu, kita turut mendapat kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Po-



MOHD UZIR



lis Diraja Malaysia (PDRM) yang akan membuka kaunter semakan dan bayaran saman serta pemeriksaan kenderaan secara percuma.

"Dianjurkan juga pertandingan Debat Statistik Perdana Piala Pusingan Ketua Perangkawan melibatkan penyertaan daripada 12 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta selain Forum Perdana Hal Ehwal Islam yang akan dihadiri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah," jelasnya.

Sementara itu Mohd Uzir berkata, DOSM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kepentingan statistik sebagai asas kemakmuran kehidupan rakyat dan negara.

Oleh itu jelasnya, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi memastikan komunikasi statistik bertambah baik supaya masyarakat dapat menikmati statistik secara berkeson.

"DOSM sedang memberi fokus untuk menghasilkan statistik berbentuk setempat (aitu

#Karnival Statistik
20-22 OKTOBER 2022 | 9.00 PAGI - 6.00 PETANG
INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM)
SUNGKAI, PERAK

AKTIVITI MENARIK

- FORUM PERDANA EHWAL ISLAM
- KARNIVAL KERJAYA
- GERAI JALAN & FOOD TRUCK
- PROGRAM DEBATA DARAH & PEMERIKSAAN KESIHATAN
- DEMONSTRASI OLEH ABANO BOMBA
- KAUNSELING KEWANGAN
- PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN KELUAR NEGERI MALAYSIA
- PAMERAN PERUMAHAN & HARTANAH
- KAUNTER BAYARAN & SEMAKAN SAMAN (JPJ & PDAM)
- KAUNTER BAYARAN CUKAI TANAH
- PAMERAN & KAUNTER BERGERAK OLEH AGENSI KERAJAAN & SWASTA
- PU COINTEK NASIONAL EM & ARTIS JEMPUTAN
- ITE GANCY
- STATS FITDOSM

PERTANDINGAN

- DEBAT STATISTIK ANTARA IPT
- GIS-WACKATHON ANDRE APPS
- KUIZ STATISTIK
- MEWARNA
- MEMASAK

MOH LE KITE!!!

dekat dengan rakyat bermula tahun ini. Tahun ini kita ada tambahan kira-kira 900 terbitan baharu berkaitan statistik antaranya melibatkan Dewan Undangan Negeri (DUN) setiap negeri serta 222 terbitan (melibatkan) Parlimen untuk kegunaan umum.

"Kepada mereka yang mahu

melihat aktiviti kawasan dan senario profil atau demografi, ekonomi serta data-data utama di setiap kawasan DUN dan Parlimen, boleh gunakan perbitan terkini yang dikeluarkan DOSM, bukan sahaja dalam bentuk buku malah platform dalam talian yang boleh diakses iaitu Kawasanku," katanya.